

**PEMBINAAN MODUL SISTEM PENGURUSAN MASA PEMBELAJARAN
HARIAN BAGI PELAJAR DI KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN
HUSSEIN ONN, BATU PAHAT, JOHOR**

FARIZAN BINTI ZAKARIA

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2002



PTT ALITHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

KHAS UNTUK:
Ayahanda & bonda tersayang

Zakaria Bin Hassan
Siti Fatimah Binti Abdul Hamid

Adik-adikku yang dikasihi

Fazurra Binti Zakaria
Md. Fazrul Izwan Bin Zakaria
Farah Zuliana Binti Zakaria
Mohamad Fiezry Idham Bin Zakaria



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Pertamanya syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia, dan izinNya, maka dapatlah saya menyiapkan laporan projek sarjana ini.

Di kesempatan ini saya ingin, mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Haji Sapon bin Ibrahim selaku penyelia, yang telah banyak membantu dan memberikan bimbingan sepanjang tempoh pelaksanaan projek sarjana ini. Terima kasih di atas panduan, tunjuk ajar, dan masa yang telah diluangkan.

Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan serta responden yang memberikan kerjasama. Diharapkan hasil kajian projek sarjana ini boleh dijadikan sebagai panduan dan dorongan kepada semua.

InsyAllah



PTM
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

ABSTRAK

Proses pembelajaran sudah menjadi lumrah dalam kehidupan seorang pelajar. Namun begitu prestasi pencapaian akademik mempunyai kesinambungan dengan perancangan dan pengurusan masa seseorang pelajar. Oleh itu, sistem pengurusan masa pembelajaran yang sistematik dan teratur perlu di dalam kehidupan seseorang itu. Kajian ini cuba mengkaji dan menghasilkan satu sistem pengurusan masa pembelajaran harian bagi pelajar di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Sistem yang dihasilkan adalah berbentuk risalah edaran iaitu jadual pengurusan masa pembelajaran harian. Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini adalah soal selidik dan penilaian semula produk. Seramai 361 pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn terpilih sebagai sampel kajian, di mana mereka dipilih secara rawak. Hasil kajian ini dianalisa dengan menggunakan peratusan dan skor min. Berdasarkan kepada hasil analisis data yang diperolehi didapati sistem pengurusan masa pembelajaran harian ini amat penting kepada pelajar iaitu dengan nilai skor minnya ialah 3.48. Manakala penilaian terhadap jadual yang dihasilkan adalah memberangsangkan. Oleh itu, kesimpulan yang dapat dibuat ialah sistem pengurusan masa pembelajaran harian ini perlu dan amat sesuai bagi setiap pelajar kerana ianya dapat membantu mereka merancang dan mengurangkan tekanan dari segi pengurusan masa pembelajaran harian.

Kata penting: Pembelajaran, perancangan, pengurusan masa, jadual waktu belajar, pelajar, sistem.

ABSTRACT

As a student, learning process is our life styles. But as we know, the academic achievements are related to our time management. So, the systematic time management is important to our life. In this study we will discuss and produce a time management system for a student learning. The system is schedule of time management for Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn student. Questionnaires and assessment has been use as an instrument in this study. The questionnaires were distributed to 361 students in Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. They were as a sample of this study. From our analysis data, we get the time management and effective learning is important to our student. The findings were shown, mean score is 3.48 units and the assessment for our schedule is great effort. From my research, the conclusion made with regards is the time management systems are very important to our students because it can help them to manage, and decreased their pressure.

Keywords: Learning, time management, schedule, student, system.



PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI SINGKATAN	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	3
1.4	Matlamat Kajian	4
1.5	Objektif Kajian	5
1.6	Persoalan Kajian	5
1.7	Kepentingan Kajian	6
1.8	Skop Kajian	6

1.9	Definisi Istilah	6
1.9.1	Pengurusan Masa	7
1.9.2	Sistem	7
1.9.3	Pelajar	8
1.9.4	Pembelajaran Berkesan	8
1.9.5	Andaian	8

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	9
2.2	Penentuan Matlamat	9
2.3	Perancangan Masa	10
2.4	Pengurusan Masa	12
2.5	Teori Pengurusan Masa Pembelajaran	12
2.6	Kepentingan Pengurusan Masa	13
2.7	Keberkesanan Pengurusan masa	14
2.8	Sistem Pengurusan Masa	15
2.9	Penggunaan Jadual Waktu Belajar	17
2.10	Kesimpulan	18

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	19
3.2	Reka Bentuk Kajian	20
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	20
3.4	Instrumen Kajian	21
3.5	Prosedur Kajian	22
3.6	Kaedah Analisis Data	24
3.7	Batasan Kajian	24
3.8	Kajian Rintis	24
3.9	Kerangka Sistem Pengurusan Masa Pembelajaran Harian.	25

BAB IV REKA BENTUK DAN PENILAIAN PRODUK

4.1	Pengenalan	27
4.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	28
4.3	Reka Bentuk Produk	29
4.3.1	Bentuk Dan Ciri-Ciri Produk	29
4.3.2	Kronologi Pembinaan Produk	30
4.3.3	Permasalahan Dalam Membina Produk	32
4.3.4	Bahan, Kos Dan Masa Membina Produk	33
4.3.5	Dokumentasi Produk	34
4.4	Penilaian Produk	35
4.4.1	Pemilihan Dan Pembinaan Instrumen Untuk Menilai Produk	35
4.4.2	Pemilihan Sampel Kajian Yang Akan Menilai Produk	36
4.4.3	Fokus Penilaian Produk	36
4.4.4	Cadangan Pembaikan	36
4.4.5	Kesimpulan	37

BAB V TEMUAN KAJIAN DAN PERUMUSAN HASIL KAJIAN

5.1	Pengenalan	38
5.2	Latar Belakang Responden	39
5.2.1	Keputusan Peperiksaan	40
5.3	Analisis Tahap Keperluan Pelajar Terhadap Sistem Pengurusan Masa Pembelajaran Harian.	41
5.4	Analisis Item di dalam Penghasilan	42

Sistem Pengurusan Masa Pembelajaran		
Harian.		
5.4.1	Masa Berehat ketika Belajar	42
5.4.2	Mengulang kaji Pelajaran	43
5.4.3	Tidur	44
5.4.4	Peruntukan Masa Membuat Tugasan.	44
5.4.5	Mandi	45
5.4.6	Makan	46
5.4.7	Berehat	46
5.4.8	Beriadah	47
5.4.9	Bersolat	48
5.4.10	Membaca Surat Khabar	48
5.4.11	Membaca	49
5.4.12	Kuliah	50
5.5	Analisis Tempat Belajar	50
5.6	Analisis Waktu Belajar	51
5.7	Penyediaan Sistem Pengurusan Masa	52
5.7.1	Penentuan Pengurusan Masa	53
5.7.2	Penyediaan Jadual waktu Belajar.	54
5.8	Kesesuaian Sistem Pengurusan Masa Pembelajaran Harian.	56
5.8.1	Penilaian Terhadap Kebolehlaksanaan Jadual Pengurusan Masa Pembelajaran Harian.	57
5.9	Rumusan Hasil Kajian	59



BAB VI KESIMPULAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

6.1	Pengenalan	60
6.2	Perbincangan Hasil Kajian	61
6.3	Tahap Keperluan pelajar Terhadap Sistem Pengurusan Masa Pembelajaran Harian	61
6.4	Mengenal Pasti Item Yang Perlu dalam Menghasilkan Sistem Pengurusan Masa Pembelajaran Harian Pelajar KUiTTHO.	62
6.4.1	Tempat dan Masa yang Sesuai Untuk Belajar.	63
6.4.2	Penentuan Pengurusan Masa	64
6.4.3	Penyediaan Jadual Waktu Belajar	64
6.5	Keberkesanan Sistem Pengurusan Masa Pembelajaran harian.	66
6.5.1	Keberkesanan Perancangan Masa	66
6.5.2	Kebolehlaksanaan dan Kebolehgunaan Jadual Waktu Pembelajaran Harian.	67
6.6	Cadangan	68
6.6.1	Cadangan Kepada Pelajar	68
6.6.2	Cadangan Kepada Pendidik	68
6.6.3	Cadangan Kepada Institusi	69
6.6.4	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	69
6.7	Kesimpulan Keseluruhan	70
	SENARAI BIBLIOGRAFI	71
	LAMPIRAN	75

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Penggunaan masa untuk tempoh 24 jam.	11
3.1	Populasi dan sampel pelajar KUiTTHO	21
3.2	Skala Likert Empat Mata.	22
3.3	Kerangka sistem pengurusan masa pembelajaran harian.	25
4.1	Bahan, kos, dan masa membina produk.	33
4.2	Peruntukan masa bagi pembinaan produk.	34
5.1	Status borang soal selidik bagi setiap responden.	39
5.2	Purata nilai gred terkini responden.	40
5.3	Tahap keperluan pelajar terhadap sistem pengurusan masa pembelajaran harian.	41
5.4	Peruntukan masa untuk berehat ketika belajar.	42
5.5	Peruntukan masa untuk mengulang kaji pelajaran.	43
5.6	Analisis inferensi bagi peruntukan masa untuk tidur.	44
5.7	Peruntukan mas untuk membuat tugas.	44
5.8	Peruntukan masa untuk berehat.	46
5.9	Peruntukan masa untuk bersolat.	48
5.10	Peruntukan masa untuk membaca.	49
5.11	Peruntukan masa untuk kuliah.	50
5.12	Waktu belajar terbaik.	51
5.13	Analisis diskriptif penentuan pengurusan masa .	53
5.14	Analisis Diskriptif keseluruhan terhadap penentuan ciri-ciri pengurusan masa.	54

5.15	Julat untuk aspek penentuan pengurusan masa pembelajaran.	54
5.16	Analisis diskriptif keseluruhan terhadap penyediaan jadual waktu belajar.	55
5.17	Julat untuk aspek penyediaan jadual waktu belajar	55
5.18	Analisis diskriptif terhadap kesesuaian sistem pengurusan masa pembelajaran.	56
5.19	Analisis diskriptif keseluruhan terhadap penentuan pengurusan masa.	57
5.20	Kesesuaian jadual waktu pembelajaran harian.	58
6.1	Perbandingan peruntukan masa mengikut item.	62



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Prosedur kajian sistem pengurusan masa pembelajaran harian.	23
4.1	Langkah-langkah pembinaan produk.	30
5.1	Peratus responden mengikut peringkat pengajian di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn	40
5.2	Peratus peruntukan masa responden bagi item mengulang kaji pelajaran.	43
5.3	Peratus responden terhadap peruntukan masa untuk mandi.	45
5.4	Peratus responden terhadap peruntukan masa untuk makan.	46
5.5	Peratus responden terhadap peruntukan masa untuk beriadah.	47
5.6	Peratus responden terhadap peruntukan masa untuk membaca surat khabar.	49
5.7	Peratus responden terhadap tempat paling sesuai untuk belajar.	50
5.8	Peratus responden terhadap waktu paling sesuai untuk belajar.	52
5.9	Nilai skor min bagi item penentuan ciri-ciri pengurusan masa.	53
5.10	Nilai skor min bagi setiap item untuk penyediaan jadual waktu belajar.	55

SENARAI SINGKATAN

KUTTHO Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
IPT Institut Pengajian Tinggi.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Penetapan bilangan sampel kajian	75
B	Borang Soal Selidik	76
C	Borang penilaian.	84
D	Surat pengesahan jadual pengurusan masa pembelajaran harian	87
E	Jadual pengurusan masa pembelajaran harian	88



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Proses pembelajaran sudah menjadi lumrah dalam kehidupan seorang pelajar. Walau bagaimanapun kebanyakan pelajar tidak mempunyai disiplin dan perancangan yang teliti dalam menjalani proses pembelajaran.

Setiap aktiviti yang dilakukan adalah berkait rapat dengan masa. Pengurusan masa penting dalam kehidupan seharian agar masa itu tidak terbuang dengan sia-sia. Kebanyakan remaja sering melakukan aktiviti yang melibatkan pembaziran masa seperti berpelesenan, melepak, serta inginkan kehidupan yang sentiasa bebas tanpa dikawal oleh mana-mana pihak. Hal ini disokong oleh Sukaiman (2000), menyatakan bahawa pelajar gemar menghabiskan masa terluang dengan sesuatu yang tidak berfaedah daripada melakukan aktiviti yang dapat menjalinkan hubungan sosial seperti membantu orang miskin, bergotong royong, serta membantu keluarga di rumah.

Menurut Tengku Asmadi (1999), untuk berjaya di dalam apa juga bidang yang diceburi, terutamanya untuk memperolehi keputusan yang cemerlang memerlukan

kejayaan dalam pengurusan masa. Berdasarkan pernyataan di atas jelas menunjukkan bahawa sesuatu perkara yang dilakukan akan menjadi lebih efektif apabila pembahagian masa itu dapat diuruskan dengan baik. Oleh itu, seseorang pelajar perlu mempunyai jadual waktu pembelajaran yang komprehensif serta berkesan untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang. Kenyataan ini turut disokong oleh Kathleen Cotton (1997), menyatakan bahawa terdapatnya hubungan yang rapat di antara aktiviti pembelajaran dengan tahap pencapaian akademik.

Walau bagaimanapun sesuatu kejayaan itu tidak akan tercapai sekiranya pelaksanaan yang dilakukan tidak berkesan (Khadijah, 2000). Ini menunjukkan bahawa, untuk melaksanakan sesuatu perancangan itu memerlukan disiplin diri serta kesungguhan yang mendalam agar sesuatu matlamat itu dapat dicapai. Pelajar boleh mendisiplinkan diri dengan mematuhi satu prosedur pengurusan masa yang berkesan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pengurusan masa penting bagi seseorang pelajar untuk mencapai kejayaan yang cemerlang. Setiap aktiviti pembelajaran yang dilakukan hendaklah konsisten dan berterusan kerana peningkatan dalam prestasi pelajar adalah berkadar terus dengan masa serta aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan. Kemahiran pelajar menguruskan masa belajar dengan lebih sistematik akan meningkatkan pencapaian akademik. Jadi, untuk menguruskan masa dengan lebih efektif, perancangan yang baik adalah amat penting (Khadijah, 2000).

Kajian ini cuba meneliti waktu yang paling sesuai bagi seseorang pelajar itu untuk belajar, mengulang kaji pelajaran, beriadah, tidur, bersolat, membaca serta makan. Menurut Carrol (1991), untuk menguruskan masa dengan lebih berkesan ialah

dengan menyeimbangkan di antara waktu bekerja, waktu kelas, waktu belajar, dan waktu lapang melalui perancangan aktiviti. Hasil daripada kajian ini diharapkan, satu sistem pengurusan masa pembelajaran harian akan dihasilkan bagi memudahkan pelajar untuk mengatur jadual pembelajaran harian dengan lebih sistematik.

1.3 Pernyataan Masalah

Ada satu pepatah mengatakan bahawa “masa itu adalah emas”. Sebagai seorang pelajar yang berhemah tinggi dan berdedikasi, mereka tidak akan mensia-siakan masa dengan begitu sahaja. Berdasarkan kepada dapatan kajian rintis, didapati 86.7 peratus iaitu seramai 26 daripada 30 pelajar menyatakan bahawa mereka mempunyai masalah dari segi pengurusan masa. Ini kerana mereka perlu melaksanakan tugas serta pelbagai aktiviti di dalam satu jangka waktu yang terhad. Tambahan pula, kadang kala terdapat dua atau lebih tugas yang perlu dihantar oleh pelajar di dalam masa yang sama.

Pengalaman pengkaji sebagai seorang pelajar juga mendapati faktor masa merupakan masalah utama. Mereka memerlukan masa yang banyak untuk menyiapkan tugas, membaca, menghadiri kuliah, serta rutin harian yang lain. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapatnya masalah dari segi pengurusan masa. Masalah ini mungkin disebabkan tiada panduan yang dapat membantu pelajar untuk menguruskan masa pembelajaran tersebut. Oleh itu penyelidik ingin mengkaji tahap keperluan pelajar terhadap sistem pengurusan masa yang sistematik dan efektif.

Hasil kajian Khadijah (2000), menunjukkan bahawa 88.3 peratus menyatakan bahawa prestasi akademik dapat ditingkatkan sekiranya pelajar menguruskan masa dengan betul. Kejayaan seseorang itu adalah berdasarkan kepada kecekapannya dalam

menguruskan masa serta dapat menggunakan masa yang diperuntukkan dengan sebaik-baiknya. Pembelajaran yang dilakukan secara berterusan dapat meningkatkan kemahiran serta pencapaian akademik seseorang pelajar itu.

Jadi, sistem pengurusan masa pembelajaran harian yang berkesan perlu bagi para pelajar untuk meningkatkan prestasi akademik. Sistem ini perlu kerana setiap hari pelajar mempunyai masa yang terhad untuk mengulangkaji pelajaran, dan membuat tugas, serta pelbagai aktiviti harian yang lain. Melalui kajian ini, satu sistem pengurusan masa pembelajaran harian akan dihasilkan bagi pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO).

1.4 Matlamat Kajian

Pada akhir kajian ini diharapkan satu sistem sistem pengurusan masa pembelajaran harian akan dihasilkan. Di samping itu, penghasilan sistem ini dapat memberikan faedah kepada :

i. Pelajar KUiTTHO

Pelajar dapat menggunakan sistem ini untuk membuat perancangan masa pembelajaran serta sebagai panduan untuk membuat jadual pembelajaran harian sendiri dengan lebih sistematik.

ii. KUiTTHO

Berdasarkan sistem pembelajaran ini pihak KUiTTHO akan mengetahui masa maksimum untuk pelajar belajar di luar waktu kelas. Jadi ketika penyusunan jadual waktu mereka akan mengatur mengikut kemampuan pelajar tersebut.

1.5 Objektif Kajian

Empat objektif kajian adalah:

- i. Meninjau tahap keperluan pelajar KUiTTHO terhadap sistem pengurusan masa pembelajaran harian.
- ii. Mengenal pasti item-item yang perlu dalam menghasilkan sistem pengurusan masa pembelajaran harian pelajar KUiTTHO iaitu jadual belajar harian.
- iii. Menyediakan satu sistem pengurusan masa pembelajaran harian bagi pelajar KUiTTHO dalam bentuk jadual waktu.
- iv. Menguji kesesuaian jadual pengurusan masa pembelajaran harian bagi pelajar KUiTTHO.

1.6 Persoalan Kajian

Tiga persoalan kajian iaitu:

- i. Sejauh manakah sistem pengurusan masa pembelajaran ini diperlukan oleh pelajar di KUiTTHO?
- ii. Apakah item yang diperlukan untuk membentuk sistem pengurusan masa pembelajaran harian bagi pelajar KUiTTHO?
- iii. Sejauh manakah jadual pengurusan masa pembelajaran harian mampu membantu pelajar dalam mengatur aktiviti bagi seseorang pelajar?

1.7 Kepentingan Kajian

Sistem pengurusan masa pembelajaran harian yang terhasil dari kajian ini dapat memberi panduan kepada pelajar untuk membentuk satu jadual waktu pembelajaran berkesan berdasarkan aktiviti mereka sepanjang hari. Pelajar juga dapat mendisiplinkan diri agar mengikuti segala aktiviti yang dirancang mengikut kesesuaian serta kemampuan diri sendiri. Jadual pengurusan masa pembelajaran harian ini juga diharapkan dapat membantu mereka menguruskan masa dengan lebih efektif dan efisien

1.8 Skop Kajian

Kajian ini adalah terhad kepada penghasilan satu sistem pengurusan masa pembelajaran harian bagi membantu pelajar mengatur aktiviti pembelajaran iaitu mengulang kaji pelajaran, membuat tugas, membaca, kuliah, berehat, makan, solat, beriadah, menonton televisyen, mandi serta tidur. Sistem tersebut adalah di dalam bentuk jadual waktu harian.

1.9 Definisi Istilah

Terdapat empat istilah yang perlu diuraikan dengan jelas supaya setiap objektif dalam kajian ini dapat dicapai tanpa menyalah ertikan setiap istilah yang digunakan. Ini penting untuk mengelakkan pembaca dari memahami kajian dengan persepsi yang berbeza seperti mana yang dikehendaki di dalam sesuatu kajian.

1.9.1 Pengurusan Masa

Menurut Kamus Dewan (2000), mendefinisikan masa itu sebagai jangka waktu yang tertentu dan mempunyai batas, manakala pengurusan bererti perihal mengurus sesuatu. Pengurusan masa merujuk kepada mengurus atau mengatur masa mengikut apa yang dirancang dalam menjalani aktiviti pembelajaran, sosial, dan rutin harian dalam jangka masa yang tertentu (Rashidah, 2000). Menurut Syed Hassan (2001), pengurusan masa merujuk kepada masa yang digunakan dengan sebaik yang mungkin sehingga masa itu memberi manfaat. Pengurusan masa dalam kajian ini bermaksud mengatur setiap aktiviti yang hendak dilaksanakan dalam jangka waktu yang telah diperuntukkan mengikut kesesuaian.

1.9.2 Sistem

Menurut Kamus Dewan (2000), sistem bermaksud cara atau kaedah untuk melakukan sesuatu. Dalam kajian ini, sistem didefinisikan sebagai salah satu kaedah untuk mengatur atau merancang masa itu agar ianya selaras dan fleksibel dengan aktiviti yang hendak dilakukan dan ianya adalah di dalam bentuk jadual waktu.

1.9.3 Pelajar

Menurut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-peraturan terpilih (1998), pelajar adalah seseorang yang menerima apa-apa perihalan pendidikan, pengajaran, latihan sepenuh masa atau separuh masa di sesuatu institusi pendidikan.

Kajian ini pula mendefinisikan pelajar sebagai orang yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran sepenuh masa samada di peringkat sekolah ataupun Institut Pengajian Tinggi (IPT).

1.9.4 Pembelajaran Berkesan

Menurut Kamus Dewan (2000), pembelajaran bermaksud proses belajar. Manakala Habibah (1983), mendefinisikan pembelajaran itu sebagai perolehan maklumat, tabiat dan sikap. Pembelajaran adalah satu proses pelajar menerima maklumat berkaitan dengan apa yang telah pelajar tahu (Chong Fung Yen, 2001). Pembelajaran berkesan didefinisikan sebagai proses menerima sesuatu pengajaran atau maklumat yang berkaitan dengan sebarang ilmu pengetahuan berdasarkan kepada satu kaedah yang dapat memberi manfaat.

1.10 Andaian

Andaian yang dapat dibuat adalah sistem pengurusan masa pembelajaran harian ini mungkin sesuai digunakan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain. Ini kerana kaedah pengajaran dan pembelajaran di IPTA lain adalah hampir sama dengan kaedah pembelajaran dan pengajaran di KUiTTHO.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab II akan membincangkan dan meninjau mengenai kajian-kajian lalu. Tujuan tinjauan ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menyokong objektif kajian. Secara tidak langsung, gambaran awal mengenai hasil kajian yang akan diperolehi melalui dapatan kajian yang lalu. Tinjauan yang akan dilakukan adalah menjurus kepada pengurusan masa pembelajaran bagi pelajar di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Pelbagai teori atau pandangan dapat dijadikan sebagai panduan untuk melaksanakan satu kajian yang lebih baik

2.2 Penentuan Matlamat

Mackenzie (1990), dalam kajian "*Time Trap*" menyatakan bahawa individu yang suka membuang masa mempunyai potensi untuk menjadi individu yang sering tertekan. Menurut beliau lagi perancangan masa secara abstrak bukan hanya mengenai

- Habibah Elias (1983). "Teori Umum Pembelajaran." Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haynes M. E. (1987). "Personal Time Management." California: Crisp Publication
- Ismail Ahmad (1995). "Siri Pembelajaran Berkesan." Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan dan Bahasa (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kathleen C. (1997). "Using School Time Productively." N. J. Prentice-Hall.
- Khadijah Md. Ali (2000). "Keberkesanan Pengurusan Masa di Kalangan Pelajar Diploma Seni Bina: Satu tinjauan Di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah." Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana.
- Lakein A.(1996). "Waktu dan Kejayaan." Terjemahan Zul Yazid Selangor Darul Ehsan: Albaz Publishing & Distribution Sdn. Bhd.
- MacKenzie. R.A. (1990). "The Time Trap: How to Get More Done in Less Time." New York: Amacom, McGraw-Hill Book Company.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Noraini Ahmad (1994). "Masa: Kualiti Atau Kuantiti?." Siri Pengurusan Masa. Selangor: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Norlia Abdul Rashid (1998). "Perbezaan Keberkesanan Pengurusan masa di Kalangan pelajar semester 3 yang sedang mengikuti Kursus sarjana pendidikan di ITTHO mengikut Jantina." Institut teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana.

- Normala Salimin (2000). "Keberkesanan Pengurusan Masa di Kalangan pelajar Bumiputera Kursus Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Tahun 3 di ITTHO." Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana.
- Omardin Ashaari (1998). "Pengurusan Masa." Siri Pengajian dan Pendidikan utusan. Selangor: Utusan Publication & Distributorss Sdn. Bhd.
- Padilah Hj. Ali (1994). "Belajar Merancang Masa: Teknik Belajar untuk Kejayaan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pejabat Pengurusan Akademik (2002). "Panduan Menulis Tesis." Johor: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat. Unit Printing Sdn. Bhd.
- Roy. P (1989). "Effective Use of Time Management." Great Britain: Belmont Press.
- Sherina (1999). "Kaedah mengatur dan mengurus Waktu Belajar: Program Bistari Kaedah Belajar dan Berjaya dalam Peperiksaan." Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Siti Fatimah Ahmad (2000). "Pengurusan Masa dan Strategi Pembelajaran: Asas ke Arah Mercu Kejayaan." Diambil dari: <http://www.geocities.com>: 23 Disember 2001
- Syed Hassan Alatas (2001). "Pengurusan Masa I." Diambil dari: <http://www.perkasa.net/shiar-islam/masa> : 19 Januari 2002.
- Sukaiman Salleh (2000). "Ancaman Alaf Baru." Dewan Masyarakat. Keluaran Januari. Kuala Lumpur. Dewan bahasa dan Pustaka.
- Tengku Asmadi Tengku Mohamad, Ph. D (1999). "Mengurus Masa Belajar." Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Wiley, D. E. And Harnischfeger (1978). "A Explosion of a Myth. Quantity of School And Exposure to Instruction." Major Educational Vehicals. Educational Research. Page 7-12.

Doyle (1983). "Sikap Pelajar terhadap Kaedah Pengajaran Bermodul." dalam Shaharom Noordin (1994). Satu Kajian Rintis.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH